

# **KUTKM anjur konvensyen kebangsaan di Melaka**

**Archival News | Berita Harian | 03/05/2005**

KOLEJ Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) akan menganjurkan Konvensyen Kebangsaan Kecemerlangan Sosial dan Pembangunan Komuniti di Hotel Equatorial, Melaka, pada 16 dan 17 Mei ini.

Pengarah konvensyen itu, Prof Dr Mohd Taib Dora, berkata sebanyak 55 kertas kerja dan tiga ucaptama disampaikan pada konvensyen dianjurkan dengan kerjasama Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat serta Institut Sosial Malaysia itu.

Katanya, antara isu dibincangkan ialah Islam Hadhari, pembangunan sosio-ekonomi, perpaduan dan toleransi agama, industri dan teknologi, institusi kekeluargaan serta pendidikan dan latihan.

Beliau berkata, konvensyen dua hari itu dirasmikan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil, manakala penutupan oleh Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Mohd Ali Mohd Rustam.

"Raja Muda Perak, Raja Dr Nazrin Shah akan menyampaikan ucaptama bertajuk Kecemerlangan Sosial dan Pembangunan Komuniti di Era Globalisasi: Isu dan Cabaran.

"Diikuti ucaptama bertajuk Peranan Islam Hadhari dan Perpaduan Kaum Dalam Pembangunan Komuniti oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Abdullah Md Zin," katanya.

Berita Harian